

SULIT

02/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Ogos 2012  
1 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
NEGERI PERAK 2012

---

---

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Satu jam

---

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

02/1

[Lihat sebelah  
SULIT

Soalan 1-7

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Tuan Pengetua ..... hadiah kepada pemenang pertandingan pidato sekolah itu.  
A menyatakan  
B menyampaikan  
C menyempurnakan  
D mempersetujui
  
- 2 Sumbangan .....orang ramai itu akan diagihkan kepada mangsa-mangsa gempa bumi di Iran.  
A dari  
B untuk  
C kepada  
D daripada
  
- 3 Encik Ram mengupah..... dalaman untuk menyusun atur perabot dan lukisan-lukisan di rumah barunya.  
A jurucerakin  
B jurulatih  
C juruhias  
D jurubina
  
- 4 Rakyat Malaysia begitu terkejut.....mendengar berita penemuan mayat jutawan wanita yang dilaporkan hilang itu.  
A apabila  
B sejak  
C akan  
D bila

- 5 Semua pelajar tingkatan dua dikehendaki .....di Dataran Bestari pada pukul 10.30 pagi ini kerana ada perkara penting yang hendak disampaikan oleh pengetua sekolah.
- A berjajar  
B bersusun  
C berhimpun  
D berlonggok
- 6 Rombongan..... dari Jepun telah sampai ke Putrajaya untuk bertemu dengan Perdana Menteri sebelum menyertai Seminar Pelaburan Asean.
- A karyawan  
B usahawan  
C sejarawan  
D budayawan
- 7 Warna.....merupakan warna kesukaan anak perempuan Puan Zalina.
- A biru kebiru-biruan  
B telur kuning  
C perang-perang  
D biru laut

**Soalan 8-14**

*Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.*

- 8 Majikan itu menugasi banyak kerja yang berat kepada beberapa orang pekerjanya.  
A B C  
Tiada kesalahan.  
D
- 9 Adik menggunakan pembaris untuk membuat garisan yang lurus. Tiada kesalahan.  
A B C D
- 10 Para pemain itu akan didenda jika sekiranya mereka tidak menghadiri sesi latihan pada petang ini.  
A B C  
Tiada kesalahan  
D
- 11 Peserta-peserta dalam pertandingan perbahasan pada peringkat kebangsaan itu saling bertukar pandangan tentang masalah alam sekitar. Tiada kesalahan.  
A B C  
D
- 12 Datuk Misbun Sidek mengarahkan para pemain badminton mengumpulkan bulu tangkis dan diletakkan ke dalam bakul. Tiada kesalahan.  
A B  
C D

- 13 Tandatangan penjaga perlu diperolehi sebelum murid-murid dibenarkan menyertai lawatan anjuran pihak sekolah. Tiada Kesalahan  
A B C D
- 14 Walaupun tidak berbuat jahat tetapi dia tetap dituduh mencuri kerana dia adalah bekas banduan. Tiada Kesalahan.  
A B C D

**Soalan 15-17**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15 I Kakak jarang memakai pakaian yang berwarna *cerah* kerana cepat kotor.  
II Latihan bola sepak itu terpaksa ditangguhkan sehingga hari kembali *cerah*.  
III Ayah memasukkan kunci kereta dalam balang yang *cerah* agar mudah dilihat.  
IV Kehidupan Pak Ramli sekeluarga semakin *cerah* sejak anak-anaknya mendapat pekerjaan tetap.
- A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV
- 16 I Harga barang yang dibeli oleh kakak dan ibu *berselisih* RM3 sahaja.  
II Walaupun Anita dan Aliza adik-beradik kembar, mereka sentiasa *berselisih* faham.  
III Oleh sebab lorong itu sempit, dia sentiasa *berselisih* dengan orang lain ketika hendak ke sekolah.  
IV Sungguhpun *berselisih* bahu dengannya, dia tidak menoleh ke arah saya.
- A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV
- 17 I Johari asyik termenung sejak persoalan itu *menimpa* fikirannya.  
II Perompak yang masuk ke rumah Pak Samad *menimpa* kepala orang gajinya dengan kayu.  
III Pokok besar yang tumbang ketika ribut itu *menimpa* beberapa buah kereta.  
IV Ibu amat risau memikirkan demam panas yang *menimpa* adik sejak dua hari lalu.
- A I dan II  
B III dan IV  
C I, II dan III  
D II, III dan IV

**Soalan 18-21**

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- 18 Pihak kerajaan telah menyediakan bermacam kemudahan-kemudahan untuk pembangunan pendidikan di Malaysia.
- A bermacam-macam kemudahan-kemudahan
  - B bermacam-macam kemudahan
  - C bermacam kemudahan
  - D bermacam kemudahan-kemudahan
- 19 Kutipan derma orang ramai itu kami akan serahkan kepada wakil setiap kampung yang dilanda banjir.
- A akan kami serahkan kepada
  - B akan kami serahkan pada
  - C kami akan serahkan pada
  - D kami akan serahkan kepada
- 20 Perjumpaan itu diadakan adalah untuk berbincang tentang segala masalah yang dihadapi oleh persatuan itu.
- A ialah untuk membincangkan tentang segala masalah
  - B ialah untuk berbincang segala masalah
  - C adalah untuk berbincangkan segala masalah
  - D adalah untuk berbincang tentang segala masalah
- 21 Setelah mencapai kata sepakat, kami bersetuju untuk menghadiahi kotak pensel kepada Razif sempena ulang tahun kelahirannya yang ke-5.
- A menghadiahkan pensel kotak pada
  - B menghadiahkan kotak pensel kepada
  - C menghadiahi pensel kotak pada
  - D menghadiahi kotak pensel kepada

**Soalan 22-24**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.*

- 22 **Puan Saodah selamat kembali ke tanah air selepas kira-kira dua bulan setengah menjalani rawatan lanjutan kanser tulang di luar negara.**
- A Selepas merawat pesakit kanser tulang lebih kurang dua bulan setengah di luar negara, Puan Saodah selamat kembali ke tanah air.
  - B Puan Saodah selamat menjalani rawatan susulan penyakit kanser di luar negara kira-kira dua bulan setengah.
  - C Selepas dua bulan setengah Puan Saodah di luar negara untuk menjalani rawatan susulan penyakit kanser tulang yang dihidapinya, kini beliau selamat kembali di tanah air.
  - D Selepas lebih kurang dua bulan setengah Puan Saodah di luar negara untuk menjalani rawatan susulan penyakit kanser tulang yang dihidapinya, kini beliau selamat kembali di Malaysia.
- 23 **Hujan dijangka turun pada petang esok mengikut ramalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca.**
- A Petang esok Jabatan Kaji Cuaca akan meramalkan keadaan hujan.
  - B Jabatan Kaji Cuaca meramalkan bahawa hujan akan turun pada petang esok.
  - C Pada petang esok, Jabatan Kaji Cuaca akan mengeluarkan ramalan tentang hujan.
  - D Ramalan hujan pada petang esok, akan dikeluarkan oleh Jabatan Kaji Cuaca.
- 24 **Kecuaian manusia terutamanya pemandu kenderaan merupakan faktor utama terjadinya kemalangan jalan raya.**
- A Kemalangan jalan raya berpunca daripada sikap lalai manusia terutamanya para pemandu.
  - B Pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya sering menyebabkan berlakunya kemalangan.
  - C Kelalaian sewaktu di jalan raya telah meningkatkan kadar kemalangan dalam kalangan pengguna jalan raya.
  - D Kemalangan jalan raya sering dikaitkan dengan sikap ingin berlumba-lumba di jalan raya.

**Soalan 25-27**

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25 I Dia tetap tabah walaupun menempuh pelbagai halangan.  
II Kejayaannya mewakili sekolah dalam pertandingan badminton amat membanggakan.  
III Bangunlah awal-awal jika takut bas meninggalkan anda.  
IV Kampungnya jauh terpencil kerana kurang kemudahan asas.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 26 I Seekor tikus sedang bersembunyi di dalam gulungan tikar mengkuang itu.  
II Walaupun usia adik baru tiga tahun, dia sudah dapat menunggang basikal.  
III Pengemis itu duduk di kaki lima sambil menadah tangan.  
IV Dia sedang tidur atau sedang menonton televisyenkah?
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 27 I Setengah orang tidak menggemari sikapnya itu.  
II Ibu bapa akan meluangkan masa bersama dengan anak-anak untuk menghalang mereka daripada keluar rumah.  
III Dengan menggunakan besi, Sulaiman memecahkan tingkap rumahnya.  
IV Penjahat itu menyamar sebagai perempuan supaya dia dapat melepaskan diri daripada buruan polis.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 28-30**

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Hakim dan Taufik selalu bersama-sama untuk menyiapkan sesuatu pekerjaan walaupun mereka mempunyai kemahiran yang berbeza.  
Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah
- A seperti isi dengan kuku.  
B bagai aur dengan tebing.  
C seperti pahat dengan penukul.  
D seperti anjing dengan kucing.

- 29 “Pandai-pandailah kamu membawa diri di tempat orang nanti, kerana lain padang lain belalangnya,” pesan emak kepada Abang Long yang berpindah ke tempat baharu. Peribahasa yang bergaris bermaksud.....
- A setiap tempat, berbeza-beza ragam penduduknya.
  - B setiap tempat, ada adat yang diamalkan.
  - C setiap tempat, berbeza-beza adatnya.
  - D setiap tempat, ada penduduknya.
- 30 Lelaki itu tidak mempedulikan jirannya yang susah walaupun dia mempunyai wang untuk disedekahkan. Sifat lelaki itu dikatakan bagai
- A rambut sama hitam, hati lain-lain.
  - B melepaskan anjing tersepit.
  - C enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.
  - D durian dan mentimun, menggolek kena, kena golek pun kena.

### Soalan 31 hingga 35

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Wanita tabah ini pernah perit dimamah malang. Siapa sangka suami yang kuat beragama, tiba-tiba dituduh pengedar dadah? Siapa sangka, Lebai Sidi dikatakan musuh dalam selimut? Siapa sangka, ketika kandungan baru dua bulan, ayah bayi itu telah dipenjarakan?

“Ayah kamu telah dikhianati, nak. Dalam perjalanan ke pekan, ayah ditahan polis. Puas menggeledah, sebungkus dadah dijumpai di bawah kusyen kereta ayah. Ayah lantas digari. Ayah betul-betul tiada bukti untuk menyanggah tuduhan itu. Lagipun, kita mana ada duit nak upah peguam?” Bonda berjeda dalam getaran suara.

“Masa bonda mengandung tujuh bulan, ayah kamu meninggal dunia di penjara kerana sakit jantung. Sejak itu bonda asyik menangis dan menangis. Bonda amat buntu dan hampir gila jadinya. Malahan, bonda pernah cuba menggugurkan kandungan, tetapi dihalang oleh arwah atuk kamu. Agaknya... adik kamu jadi begitu kerana bonda tidak pernah tenteram masa menggandungkannya.” Begitulah suatu hari bonda menghikayatkan riwayat hidupnya kepada saya dan kakak kembar. Maklumlah, masa kejadian itu, masing-masing masih berhingus.

Pastinya pada saat itu, bonda bagaikan terhumban ke jurang zulmat. Bonda bagaikan tercampak ke pulau hana. Masyarakat mencerlung hina.

“Percayalah suatu hari nanti adik akan berubah, Cik.” Bonda menyuakan harapan setelah melihat saya hampir menaikkan bendera putih.

“Cik...semua orang hendak ke puncak, tapi semasa mendaki, kita mesti sanggup jatuh tergelincir. Jadi, sebelum dapat membawa adik ke puncak impian bonda, kita mesti sanggup hadapi kerenah adik.” Begitulah coretan kak long dalam utusan rindunya dari perantauan.

(Dipetik daripada cerpen Mutiara Bonda, antologi Harga Sebuah Lukisan, Tingkatan 3, Dewan Bahasa dan Pustaka)



31. Mengapakah Lebai Sidi dianggap sebagai musuh dalam selimut?
- A Meninggal dunia di dalam penjara akibat penyakit jantung.
  - B Hanya berpura-pura sebagai seorang yang kuat beragama.
  - C Ditangkap kerana mengedarkan dadah.
  - D Dipenjarakan akibat fitnah.
32. Berdasarkan petikan apakah harapan bonda terhadap adik?
- A Mengikut jejak langkah kakak-kakaknya melanjutkan pelajaran ke menara gading.
  - B Berubah sikap dan mencapai impian bonda.
  - C Tidak terlibat dalam masalah sosial.
  - D Menjadi seperti ayahnya.

*Bonda bagaikan tercampak ke pulau hana*

33. Unsur gaya bahasa yang terkandung dalam petikan di atas ialah
- A sinkope.
  - B peribahasa.
  - C metafora.
  - D simile.
34. Yang berikut merupakan perwatakan bonda berdasarkan petikan **kecuai**
- A tabah.
  - B berkeyakinan.
  - C penyayang.
  - D pemurah.
35. Apakah tema cerpen ini?
- A Kegigihan dan kesabaran seorang ibu dalam mendidik anaknya hingga berjaya.
  - B Kegigihan remaja dalam mengejar impian untuk berjaya.
  - C Kepentingan menuntut ilmu dalam kehidupan.
  - D Keinginan remaja untuk hidup bebas.

**Soalan 36–40**

Baca pantun di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Pantun Empat Kerat ( Muhibah dan Perpaduan)**

Petang hari pergi ke pekan  
Pulang membawa sebungkus laksa  
Hidup muhibah perlu diamalkan  
Di negara Malaysia berbilang bangsa

Cantik bergugus buah papaya  
Masak dipetik satu persatu  
Walaupun berlainan bangsa budaya  
Kerana muhibah hidup bersatu

Air mengalir dalam terusan  
Mengairi sawah beratus relung  
Bekerjasama segala urusan  
Tanda bersatu bergotong royong

Tuan Puteri dari kayangan  
Senyuman manis seperti madu  
Bermacam keturunan bukan halangan  
Untuk membina bangsa yang padu

Enak nian air kelapa  
Penawar sakit mujarab sekali  
Kebudayaan asal tidak dilupa  
Kebudayaan nasional mereka banggai

(Dipetik daripada Antologi *Gema Sepi Gadis Genius*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 36 Permuafakatan perlu diamalkan oleh penduduk di Malaysia kerana
- A rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum.
  - B dapat membina bangsa yang maju.
  - C dapat menjana ekonomi negara.
  - D dihormati oleh negara lain.

*Bermacam keturunan bukan halangan  
Untuk membina bangsa yang padu*

- 37 Maksud baris pantun di atas ialah
- A masyarakat yang berbilang bangsa perlu meningkatkan semangat perpaduan.
  - B masyarakat yang berbilang bangsa perlu mengamalkan kebudayaan sendiri tanpa kesusahan.
  - C masyarakat yang berbilang bangsa tidak mustahil dapat mewujudkan bangsa yang bersatu padu.
  - D masyarakat yang berbilang bangsa perlu bekerjasama dalam semua pekerjaan.

*Cantik bergugus buah papaya  
Enak nian air kelapa*

- 38 Unsur gaya bahasa yang digunakan dalam baris pantun di atas ialah
- A metafora.
  - B imej alam.
  - C personifikasi.
  - D simile.
- 39 Berdasarkan rangkap ketiga pantun, kita hendaklah...
- A mengamalkan sikap kerjasama dalam kehidupan.
  - B menghargai kebudayaan nasional kita.
  - C memupuk semangat perpaduan.
  - D menyemai perasaan kasih sayang.
- 40 Yang berikut merupakan nilai yang **tidak** terdapat dalam pantun ini.
- A Keharmonian.
  - B Perpaduan.
  - C Keadilan.
  - D Kerjasama.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

02/2  
Bahasa Melayu  
Kertas 2  
Ogos 2012  
2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
NEGERI PERAK 2012

---

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian : Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

**Bahagian A (i) : Ringkasan**

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **kepentingan amalan disiplin dalam kalangan pelajar**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Disiplin merupakan perkara penting yang perlu ada pada setiap individu. Secara lebih terperinci, disiplin merupakan kemahuan untuk mentaati atau menghormati peraturan sama ada dalam aspek keagamaan, etika sosial atau dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks sekolah, disiplin merupakan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah untuk memastikan para pelajar bertingkah laku baik dan mengamalkan nilai murni.

Mengapakah disiplin perlu dititikberatkan? Hal ini demikian kerana, disiplin penting untuk menjamin kejayaan seseorang pelajar. Selain itu, disiplin juga merupakan kawalan dalaman ke atas diri seseorang supaya tidak melakukan tindakan yang bertentangan dengan peraturan. Seandainya seseorang pelajar berdisiplin atau mengikut peraturan, hal ini menunjukkan sudah ada ciri kejayaan dalam dirinya. Pelajar yang berdisiplin dapat mengawal diri di dalam kelas dan menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran guru. Di samping itu, mereka juga tidak akan mudah terjebak dalam gejala negatif yang boleh menjejaskan tumpuan terhadap pembelajaran.

Peraturan sekolah yang menetapkan para pelajar supaya datang ke sekolah tepat pada masanya bertujuan untuk melatih pelajar aspek pengurusan masa. Pelajar yang dapat menepati masa biasanya akan menjadi pelajar yang baik kerana mereka tahu mengurus dan *menghargai masa*. Begitu juga dengan peraturan sekolah yang menetapkan supaya pelajar berpakaian kemas. Hal ini penting supaya pelajar kelihatan berkeperibadian tinggi dan berketerampilan. Pelajar yang mempunyai personaliti yang baik, lazimnya akan disenangi oleh guru-guru.

Penghormatan terhadap guru juga merupakan amalan disiplin yang mustahak. Hal ini demikian kerana dalam menimba ilmu pengetahuan, pelajar tidak dapat lari daripada mendapat tunjuk ajar dan bimbingan daripada guru walaupun pelajar mempunyai buku atau bahan rujukan yang mencukupi. Hubungan yang baik dan harmonis antara guru dengan pelajar akan dapat menjamin keberkesanan dalam pembelajaran. Jelaslah bahawa disiplin memainkan peranan utama yang menentukan kejayaan pelajar dalam pelajarannya.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Pembudayaan Disiplin Dalam Kalangan Pelajar', Izani Hj. Daud, *Dewan Siswa*, Julai 2011)

**Bahagian A (ii) – Pemahaman**

[10 markah]


Berdasarkan petikan Bahagian A(i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata *menghargai masa*. [2 markah]
2. Mengapakah amalan menghormati guru penting kepada seseorang pelajar? [4 markah]
3. Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar di sekolah? [4 markah]

**Bahagian B**

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **kesan-kesan kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara kita**. Panjangnya huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



**Bahagian C**

(40 markah)

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

1. Anda merupakan ahli koperasi sekolah.  
Huraikan faedah-faedah yang anda peroleh dengan menjadi ahli koperasi sekolah.
2. Ibu bapa berperanan menentukan kejayaan anak-anak dalam peperiksaan.  
Bincangkan usaha-usaha ibu bapa untuk membantu anak-anak membuat persiapan menghadapi peperiksaan.
3. Sekolah anda telah mengadakan sukan tahunan. Sebagai wartawan majalah sekolah, anda telah ditugaskan untuk menyediakan laporan kejohanan tersebut.  
Sediakan laporan tersebut selengkapnya.
4. Remaja pada masa sekarang mudah terpengaruh dengan budaya negatif.  
Huraikan sebab-sebab berlakunya perkara tersebut.
5. Peribahasa *belakang parang kalau diasah lagikan tajam* bermaksud orang yang bodoh jika belajar akan menjadi pandai.  
Tuliskan sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

**Bahagian D**

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel yang anda kaji dalam **Tingkatan 2** atau **Tingkatan 3**.

Novel Tingkatan 2	Novel Tingkatan 3
ERTI SEBUAH PENGORBANAN <i>Karya Zaihanim bt Zainal Abidin</i>	6: 20 <i>Karya Siti Jasmina Ibrahim</i>

Huraikan **tiga** nilai yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan anda berdasarkan salah satu novel yang tersebut di atas.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SELARAS PMR  
BAHASA MELAYU  
Kertas 1 dan 2  
2012  
2 jam**



**JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS PMR**

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1 DAN KERTAS 2**

---

---

**SKEMA JAWAPAN**

---



**SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS  
JABATAN PELAJARAN PERAK TAHUN 2012**

**BM KERTAS 1**

<b>Bil.</b>	<b>Jawapan</b>	
1.	<b>B</b>	Menyampaikan
2.	<b>D</b>	Daripada
3.	<b>C</b>	Juruhias
4.	<b>A</b>	Apabila
5.	<b>C</b>	Berhimpun
6.	<b>B</b>	Usahawan
7.	<b>D</b>	biru laut
8.	<b>A</b>	Menugasi
9.	<b>D</b>	Tiada Kesalahan
10.	<b>B</b>	Sekiranya
11.	<b>A</b>	Dalam
12.	<b>D</b>	pemain-pemain
13.	<b>A</b>	Diperolehi
14.	<b>C</b>	Adalah
15.	<b>D</b>	II , II dan IV
16.	<b>C</b>	I , II dan III
17.	<b>D</b>	II , III dan IV
18.	<b>B</b>	bermacam-macam kemudahan
19.	<b>A</b>	akan kami serahkan
20.	<b>D</b>	adalah untuk berbincang tentang segala masalah
21.	<b>B</b>	menghadiahkan kotak pensel kepada
22.	<b>D</b>	Selepas lebih kurang dua bulan setengah Puan Saodah di luar negara untuk menjalani rawatan ssusulan penyakit kanser tulang yang dihidapinya, kini beliau selamat kembali ke Malaysia.
23.	<b>B</b>	Jabatan Kaji Cuaca meramalkan bahawa hujan akan turun pada petang esok.
24.	<b>A</b>	kemalangan jalan raya berpunca daripada manusia terutamanya para pemandu
25.	<b>A</b>	I , II
26.	<b>C</b>	I, II dan III
27.	<b>B</b>	III dan IV
28.	<b>B</b>	bagai aur dengan tebing
29.	<b>C</b>	Setiap tempat berbeza-beza adatnya
30.	<b>C</b>	enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing
31.	<b>B</b>	hanya berpura-pura
32.	<b>B</b>	berubah sikap dan mencapai impian bonda
33.	<b>D</b>	Simile
34.	<b>D</b>	Pemurah
35.	<b>A</b>	kegigihan dan kesabaran seorang ibu dalam mendidik anaknya hingga berjaya.
36.	<b>A</b>	rakyatnya yang terdiri daripada berbilang kaum
37.	<b>C</b>	masyarakat yang berbilang bangsa tidak mustahil dapat mewujudkan bangsa yang bersatu padu.
38.	<b>B</b>	imej alam
39.	<b>A</b>	mengamalkan sikap kerjasama dalam kehidupan
40.	<b>C</b>	Keadilan.

**BM KERTAS 2****BAHAGIAN A**  
**RINGKASAN DAN PEMAHAMAN**  
**( 30 MARKAH )****Bahagian A(i): Ringkasan :20 markah**

Perkara yang perlu diberi perhatian:

- a. Menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan karangan
- b. Peringkatkan markah pelajar ikut kriteria di bawah;

**Markah Bahasa : 10 markah**

<b>Peringkat</b>	<b>Markah</b>	<b>Deskripsi</b>
Cemerlang	09-10	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bahasa lancar</li> <li>➤ Menggunakan ayat sendiri</li> <li>➤ Penanda wacana yang sesuai</li> <li>➤ Ejaan/tanda baca betul</li> </ul>
Baik	06-08	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bahasa baik dan lancar</li> <li>➤ Masih menggunakan ayat sendiri</li> <li>➤ kesalahan ejaan/tanda baca yang minimum.</li> </ul>
Memuaskan	03-05	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Bahasa kurang lancar</li> <li>➤ Kesalahan bahasa yang ketara</li> <li>➤ menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih</li> </ul>
Penguasaan Minimum	01-02	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Penguasaan bahasa yang lemah</li> <li>➤ Menyalin petikan.</li> </ul>

**Markah isi: 10 markah**

<b>Bilangan isi</b>	<b>Markah</b>
5	09-10
4	07-08
3	05-06
2	03-04
1	01-02

**Skema Jawapan Ringkasan - Bahagian A (i)**

**Kepentingan amalan disiplin dalam kalangan pelajar**

1. memastikan para pelajar bertingkah laku baik dan mengamalkan nilai murni.
2. menjamin kejayaan seseorang pelajar
3. kawalan dalaman ke atas diri seseorang supaya tidak melakukan tindakan yang bertentangan dengan peraturan
4. mengawal diri di dalam kelas dan menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran guru.
5. mereka juga tidak akan mudah terjebak dalam gejala negatif yang boleh menjejaskan tumpuan terhadap pembelajaran.
6. melatih pelajar aspek pengurusan masa
7. pelajar kelihatan berkeperibadian tinggi dan berketerampilan.

**Skema Jawapan Pemahaman- Bahagian A (ii)**

Soalan 1 : maksud kata/rangkai kata : 2 markah

Markah	Deskripsi
2 markah	- maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	- maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap - maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja - hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 markah	-maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 : Soalan pemahaman petikan : 4 markah

Markah	Deskripsi
4 markah	- isi cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 markah	- isi cukup serta lengkap tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- isi kurang dan ayat kurang gramatis
1 markah	- isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis
0 markah	- isi tidak mengikut tugasan

Soalan 3 : Soalan pemahaman Kemahiran Berfikir : 4 markah

Markah	Deskripsi
4 markah	- isi relevan mengikut tugasan dan ayat gramatis
3 markah	- isi relevan mengikut tugasa tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- isi kurang relevan mengikut tugasan tetapi ayat gramatis
1 markah	- isi kurang relevan tetapi ayat kurang gramatis
0 markah	- isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

1. Berikan maksud rangkai kata *menghargai masa*. [2  
markah]  
Menghargai : menghormati, memulia  
Masa : waktu
  
2. Mengapakah amalan menghormati guru penting kepada seseorang pelajar? [4markah]
  - (i) Amalan menghormati guru penting kepada seseorang pelajar kerana dalam menimba ilmu pengetahuan, pelajar tidak dapat lari daripada mendapat tunjuk ajar dan bimbingan daripada guru walaupun pelajar mempunyai buku atau bahan rujukan yang mencukupi. (2  
markah)
  - (ii) Selain itu, hubungan yang baik dan harmonis antara guru dengan pelajar akan dapat menjamin keberkesanan dalam pembelajaran. (2  
markah)
  
3. Pada pendapat anda, apakah faktor yang menyebabkan pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar di sekolah?
  - (i) Ingin mendapat perhatian daripada guru
  - (ii) Pengaruh rakan sebaya
  - (iii) Rasa tidak puas hati dengan peraturan sekolah
  - (iv) Menganggap peraturan sekolah menyusahkan/ tidak pentingPilih 2 isi (4  
markah)

**\*Jawapan lain yang relevan juga diterima**

**BAHAGIAN B**  
**KARANGAN BERDASARKAN BAHAN RANGSANGAN**  
**( 20 MARKAH )**

PERINGKAT / MARKAH	CIRI-CIRI KARANGAN
A ( 16 – 20 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan kata dan ayat gramatis.</li> <li>❖ Penggunaan kosa kata luas dan tepat.</li> <li>❖ Terdapat kesalahan yang kecil dalam penggunaan kata.</li> <li>❖ Isi tepat berdasarkan tugas dan huraian berkembang.</li> <li>❖ Pengolahan menarik dan berkesan.</li> </ul>
B ( 11 – 15 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan kosa kata tepat</li> <li>❖ Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang kecil.</li> <li>❖ Isi masih tepat dan huraian kurang dikembangkan.</li> <li>❖ Pengolahan menarik.</li> </ul>
C ( 6 – 10 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penggunaan kosa kata terhad.</li> <li>❖ Kesalahan ejaan dan tanda baca ketara.</li> <li>❖ Isi kurang tepat berdasarkan tugas.</li> <li>❖ Pengolahan tidak menarik.</li> </ul>
D ( 1 – 5 )	<ul style="list-style-type: none"> <li>❖ Penguasaan bahasa tidak cekap.</li> <li>❖ Isi kabur dan tidak berkaitan dengan tugas.</li> </ul>

**Arahan Soalan :**

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang **kesan kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara kita**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

**Cadangan Isi:**

1. Pertambahan kawasan petempatan setinggan
  - mewujudkan suasana persekitaran yang tidak selesa
  - tidak menitikberatkan soal kebersihan
2. Menghadkan peluang pekerjaan rakyat tempatan
  - dimonopoli oleh mereka/pekerja asing
  - gaji mereka lebih rendah daripada pekerja tempatan
3. Meningkatkan pelbagai kes jenayah
  - kecurian, pembunuhan, kekacauan dilakukan oleh mereka
  - bertindak ganas dan tidak berperikemanusiaan
4. Mengancam keselamatan penduduk
  - mereka membawa budaya yang bertentangan dengan budaya kita.

**BAHAGIAN C**  
**KARANGAN RESPON TERBUKA**  
**( 40 MARKAH )**

<b>PERINGKAT PENCAPAIAN</b>	<b>DESKRIPSI</b>
<b>A ( 34 – 40 )</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Penggunaan pelbagai ayat.</li><li>❖ Penggunaan dan tanda baca yang betul.</li><li>❖ Isi relevan dengan huraian yang jelas.</li><li>❖ Pengolahan menarik serta berkesan.</li><li>❖ Pemerenggan dan format menepati kehendak tugasan.</li><li>❖ Terdapat penggunaan ungkapan menarik.</li></ul>
<b>B ( 27 – 33 )</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Penggunaan pelbagai ayat majmuk.</li><li>❖ Penggunaan ejaan dan tanda baca betul.</li><li>❖ Penggunaan kosa kata luas.</li><li>❖ Isi relevan, huraian jelas berserta dengan contoh.</li><li>❖ Pengolahan menarik, pemerenggan sesuai.</li><li>❖ Terdapat penggunaan ungkapan menarik.</li></ul>
<b>C ( 20 -26 )</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Penggunaan ayat majmuk.</li><li>❖ Terdapat kesalahan yang minimum .</li><li>❖ Penggunaan kosa kata umum.</li><li>❖ Isi relevan dan huraian masih jelas.</li><li>❖ Pengolahan masih menarik dan pemerenggan sesuai.</li></ul>
<b>D ( 13 – 19 )</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Penggunaan ayat mudah dan kesalahan yang minimum.</li><li>❖ Terdapat kesalahan yang ketara.</li><li>❖ Isi masih relevan tetapi huraian tidak jelas.</li><li>❖ Pengolahan kurang menarik, pemerenggan kurang sesuai dan format kurang tepat /format bercampur aduk.</li></ul>
<b>E ( 01 – 12 )</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>❖ Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.</li></ul>

**BAHAGIAN C ( KARANGAN RESPON TERBUKA ) – 40 MARKAH**

**CADANGAN JAWAPAN**

**Soalan 1:**

**Format : Tiada**

**Cadangan isi :**

Isi cadangan :

- Melatih pelajar dalam bidang perniagaan
- Mewujudkan semangat berpasukan
- Mengaplikasikan ilmu yang dipelajari di dalam kelas.
- Menerapkan nilai-nilai murni seperti amanah dan jujur dalam diri

**Soalan 2 :**

Ibu bapa berperanan menentukan kejayaan anak-anak dalam peperiksaan.

Bincangkan usaha-usaha ibu bapa untuk membantu anak-anak membuat persiapan menghadapi peperiksaan .

**Format :- Tiada**

**Cadangan isi :**

- membelikan buku-buku rujukan
- menyediakan jadual ulang kaji
- menyediakan kelengkapan alat tulis
- menyediakan makanan yang berkhasiat
- memberi kata-kata perangsang/ motivasi kepada anak-anak.

**Soalan 3**

Format: Laporan

Cadangan isi:

Pendahuluan :

- tajuk laporan
- menyatakan butiran Sukan Tahunan (tarikh, masa dan tempat)

Isi :

- program tahunan sekolah – ramai pelajar yang terlibat – mengambil bahagian dalam sukan dan acara perbarisan
- majlis perasmian – menyatakan siapa yang merasmikan majlis tersebut – antara isi ucapan (untuk seimbangkan dengan akademik, semangat kesukanan penting untuk perpaduan)
- sukan peringkat sekolah – untuk mengasah bakat pelajar – melahirkan atlet ke peringkat yang lebih tinggi
- sebelum acara sukan bermula – perbarisan semua kontinjen – terdiri daripada unit beruniform dan pasukan daripada rumah sukan – sambutan meriah – kehadiran ibu bapa pelajar
- pelbagai acara dipertandingkan – pelbagai jualan makanan oleh pihak kantin
- diakhiri dengan upacara penyampaian pingat kepada pemenang – diikuti dengan acara penyerahan bendera kejohanan kepada pengetua

Penutup :

- pengakuan pelapor, tarikh, tanda tangan, nama pelapor dan jawatan.

**Soalan 4.**

Cadangan isi.

- Kurang pegangan agama-tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk
- Mudah terpengaruh dengan perkara yang dianggap sesuatu yang baru dan dapat menonjolkan diri
- Beranggapan bahawa sesuatu yang datang dari negara Barat itu adalah baik, moden dan mengikut peredaran zaman
- Kurang perhatian ibu bapa dan keluarga – mereka sibuk bekerja
- Terpengaruh oleh rakan sebaya dalam mencari identiti diri
- Bebas daripada pengawasan/pemantauan ibu bapa kerana tinggal berjauhan

**Soalan 5 : Peribahasa belakang parang jika diasah lagiakan tajam bermaksud orang yang bodoh jika diajar akan menjadi pandai.**

Calon menulis cerita berdasarkan maksud peribahasa.

**SOALAN BAHAGIAN D – 10 MARKAH ( KAJIAN NOVEL )**

**1. Peraturan Pemarkahan**

<b>a.</b>	Maksimum markah keseluruhan – 10 markah.
<b>b.</b>	Markah isi maksimum – 6 markah
<b>c.</b>	Markah bahasa maksimum – 4 (secara impression).
<b>d.</b>	Jawapan berdasarkan novel Tingkatan 1 dan 2
<b>e.</b>	Nilai , contoh peristiwa dengan huraian – 3 markah
<b>f.</b>	Satu contoh peristiwa dengan huraian – 2 markah
<b>g.</b>	Satu nilai murni tanpa huraian / huraian salah – 1 markah
<b>h.</b>	Huraian tanpa nilai murni – 0 markah

**CADANGAN JAWAPAN**

**SKEMA JAWAPAN**

Tingkatan 3 (6:20)

1. **Nilai Keberanian** (1m)

Contoh peristiwa; ( 2m)

Sukma berani menyasat aktiviti yang berlaku di kelab WX2 seorang diri walaupun tempat itu asing baginya.



2. **Nilai tolong- menolong (1m)**  
**Contoh peristiwa (2m)**  
Rafiq sanggup memantau Sukma dari jauh kerana Sukma berseorangan berhampiran kelab WX2.
  
3. **Nilai tanggungjawab (1m)**  
**Contoh peristiwa (2m)**  
Tuan Haji Syaqr merupakan pemimpin yang bertanggungjawab terhadap masyarakat yang diwakilinya. Beliau sentiasa mengambil berat akan masalah penduduk.

### **Tingkatan 2( Novel Erti Pengorbanan)**

#### **1. Nilai Kasih Sayang ( 1m)**

##### **Contoh Peristiwa;**

- Meskipun ibu dan bapa Iman bercerai, kedua-dua mereka tidak mengabaikan Iman malah menyayangi Iman. (2m)
- Datuk dan nenek Iman menjaga Iman dengan penuh kasih sayang setelah kedua-dua ibu bapa Iman berpisah.(2m)

#### **2. Nilai Kerjasama ( 1m)**

##### **Contoh Peristiwa;**

- Iman dan rakan-rakannya, Pei Wen, Zulkarnain dan Adif saling bekerjasama dalam perbincangan kumpulan sebagai persiapan menghadapi peperiksaan.(2m).
- Pei Wen, Zulkarnain dan Adif bersama-sama menemani Iman berlatih pidato selepas tamat sesi persekolahan .(2m)

#### **3. Nilai Bersimpati**

**Contoh :** Iman amat bersimpati dengan Pei Wen yang kurang mesra dengan ibu tirinya.(2m)

\*\* Sila terima jawapan-jawapan lain yang sesuai

**SELAMAT BERJAYA**